

SULIT

5226/1

5226/1
Tasawwur
Islam
Kertas 1
Oktober
2011
1 ¼ Jam



Nama Pelajar : _____

Tingkatan : _____

**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK
DARUL RIDZUAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

TAHUN 2011

**TASAWWUR ISLAM
KERTAS 1
Satu jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian :
Bahagian A dan Bahagian B
2. Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan
Bahagian B
3. Bulatkan jawapan anda untuk Bahagian A
dan tulis jawapan untuk Bahagian B di
ruang yang disediakan pada halaman
belakang dalam kertas soalan ini

Untuk Kegunaan Pemeriksa	
Bahagian	Markah
A	
B	
JUMLAH	

Kertas soalan mengandungi 9 halaman bercetak

Bahagian A

[20 markah]

1. Allah SWT adalah Tuhan pencipta, pemilik dan pentadbir seluruh alam. Pernyataan di atas merujuk kepada
 - A Uluhiyyah
 - B Rububiyyah
 - C Rabbaniyyah
 - D Syumuliah

2. Baharin membeli kereta baru dan menyertai satu system untuk melindungi keretanya apabila ditimpa kemalangan. Pernyataan di atas merujuk kepada jenis muamalah
 - A al-Ijarah
 - B at-Takaful
 - C al-Musyarakah
 - D al-Mudharabah

3. Tunjang kesempurnaan hidup dalam Islam berteraskan kepada
 - A ilmu
 - B ad-din
 - C aqidah
 - D amalan


4. Alam yang dimanfaatkan oleh manusia untuk membina tamadun . Pernyataan di atas merujuk kepada
 - A alam ghaib
 - B alam rahim
 - C alam barzakh
 - D alam musyahadah

5. Berikut adalah ciri-ciri muamalah Islam, kecuali
 - A adil kepada semua pihak
 - B reda antara kedua belah pihak
 - C tidak membebankan mana-mana golongan
 - D mendatangkan manfaat kepada pihak-pihak tertentu sahaja

6. Antara berikut yang manakah bukan menerangkan adab kepada rasul?

- A Mengamalkar sunnah Rasul
- B Sentiasa berselawat kepada Rasul
- C Beriman kepada Rasul melebihi segala-galanya
- D Mentaati ajaran yang disampaikan oleh Rasul dengan hati yang ikhlas

7. Berikut ialah sumber-sumber penyelesaian masalah menurut Islam



Dalam rajah di atas, S merujuk kepada

- A al-Qias
- B al-Qisas
- C al-Sunnah
- D al-Istihsan

8. “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya” (Surah al-Hijr: ayat 19)

Maksud ayat di atas menjelaskan bahawa wahyu al-Quran

- A mengandungi pelbagai ilmu
- B merupakan rahmat kepada manusia
- C menjawab segala permasalahan manusia
- D terjamin daripada sebarang perubahan dan pemalsuan

9. Antara berikut manakah tanggungjawab pemimpin Islam?

- A Menegakkan amal makruf
- B Memelihara dan memulihara alam
- C Melaksanakan hukum syariat mengikut keadaan
- D Melaksanakan keadilan mengikut tempat dan keadaan

10. Berikut adalah tanggungjawab suami kecuali

- A memberi didikan agama
- B memelihara kehormatan diri
- C memberi nafkah zahir dan batin
- D melindungi keselamatan keluarga

11. * Mengelak manusia daripada sombong dan terlalu mencintai harta
* Menjadi manusia bersyukur dengan harta yang dimiliki

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A peranan harta
- B batasan hak milik harta
- C peraturan dalam pemilikan harta
- D kesan ketiadaan pengiktirafan hak milik

12. Hukum makruh ialah perkara yang

- A diberi pahala jika dilakukan
- B digalakkan oleh agama untuk dilakukan
- C digalakkan oleh agama untuk ditinggalkan
- D diberi kebebasan untuk melakukan atau meninggalkan

13. Contoh fatwa yang telah diwartakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan ialah

- A hukum haram amalan riba
- B hukum wajib menutup aurat
- C hukum wajib memelihara akal
- D hukum haram pengklonan manusia

14. Menjadikan sesuatu barangan yang berharga sebagai cagaran bagi sesuatu hutang dikenali sebagai

- A ar-Rahn
- B al-Ijarah
- C al-Takaful
- D al-Wadiah

15. Berikut adalah kebaikan ijtihad kecuali

- A menyuruh umat Islam membarui hukum yang lama
- B memastikan hukum Islam dapat dikembangkan secara berterusan
- C memastikan peristiwa yang berlaku dapat diselesaikan mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Islam
- D memberi peluang mujtahidin mengeluarkan hukum yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran dan hadis

16. Berikut ciri-ciri yang melayakkan seseorang menjadi hakim

- I. berwibawa
 - II. bertolak ansur
 - III. berfikiran terbuka
 - IV. berpandangan jauh
- A I, II dan III
 - B I, II dan I
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

17. Berikut adalah cara-cara Islam menyelesaikan masalah isu samseng.

- I Mengenakan hukuman yang setimpal
 - II. Memberi didikan agama yang mantap
 - III. Memperbanyakkan kempen budi bahasa kepada masyarakat
 - IV Mengharamkan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

18. Antara usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan ke arah pembangunan negara ialah

- I memajukan sektor ekonomi
 - II meningkatkan taraf pendidikan
 - III membantu memulakan perniagaan
 - IV memenuhi keperluan peribadi dan keluarga
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

19. Akal berperanan untuk

- I menimba ilmu pengetahuan
 - II memikirkan perkara Sam'iyat
 - III berfikir, merenung dan mereka cipta sesuatu
 - IV memahami kewujudan, kebesaran dan kekuasaan Allah SWT
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

20. Berikut adalah amalan yang termasuk dalam ibadat umum.

- I Bekerja
 - II Menuntut ilmu
 - III Membaca al-Quran
 - IV Berzikir dan berdoa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga 24

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- | | | | |
|----|---|--|--|
| 21 | Tetap dan teguh serta tidak berubah. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black;" type="text" value="1"/> |
| 22 | Fahaman yang memisahkan kehidupan keduniaan dengan urusan agama. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black;" type="text" value="1"/> |
| 23 | Membayar dengan bayaran tertentu terhadap sesuatu barang yang membolehkan seseorang itu mengambil manfaat dari harta milik orang lain | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black;" type="text" value="1"/> |
| 24 | Hukuman yang melibatkan kecederaan tubuh badan dan nyawa. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black;" type="text" value="1"/> |

Soalan 25 hingga 28

Lengkapkan pernyataan berikut.

- | | | |
|----|--|--|
| 25 | Hadis yang diriwayatkan oleh golongan yang dituduh pendusta adalah termasuk dalam jenis hadis _____. | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black;" type="text" value="1"/> |
| 26 | Allah SWT menganugerahkan _____ kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran mereka sebagai utusanNya. | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black;" type="text" value="1"/> |
| 27 | Islam mewajibkan umatnya yang kaya supaya membantu golongan miskin melalui _____. | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black;" type="text" value="1"/> |
| 28 | Golongan _____ tidak mampu mengurus harta kerana tidak mampu menilai dengan sempurna. | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black;" type="text" value="1"/> |

Soalan 29 hingga 32

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan (×) pada pernyataan yang SALAH.

- 29 Islam telah memberi kelonggaran kepada penganutnya untuk mempelbagaikan fesyen pakaian asalkan tidak terkeluar daripada batas syarak.
- 30 Penyelesaian masalah secara konvensional bermatlamat kebahagiaan dunia dan akhirat.
- 31 Harta merupakan milik mutlak Allah SWT.
- 32 Khalifah bertanggungjawab melaksanakan hukum syariat mengikut situasi dan tempat.

Soalan 33 hingga 36


Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) atau (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Sumber harta yang halal	Y	Sumber harta yang haram
---	-------------------------	---	-------------------------

	Pernyataan	Jawapan
<input type="checkbox"/>	33 Bekerja membersihkan tangki najis.	
<input type="checkbox"/>	34 Mengurangkan sukatan atau timbangan beras yang dibeli oleh pelanggan.	
<input type="checkbox"/>	35 Menjual barangan terpakai kepada pelanggan.	
<input type="checkbox"/>	36 Mengambil upah memotong rumput di kawasan kilang arak.	

Soalan 37 hingga 38

Carta di bawah menunjukkan elemen-elemen penting dalam pembentukan negara Islam.




37 P : _____

38 Q : _____

Soalan 39 Hingga Soalan 40

Carta di bawah menunjukkan matlamat perundangan Islam.




39 R : _____

40 S : _____

KERTAS SOALAN TAMAT

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2011
TASAWWUR ISLAM 5226/1**

KERTAS JAWAPAN BAHAGIAN A& B



NAMA :

TING :

- | | | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|-----|----|----------------------|
| 1. | =A= | =B= | =C= | =D= | 21 | |
| 2. | =A= | =B= | =C= | =D= | 22 | |
| 3. | =A= | =B= | =C= | =D= | 23 | |
| 4. | =A= | =B= | =C= | =D= | 24 | |
| 5. | =A= | =B= | =C= | =D= | 25 | |
| 6. | =A= | =B= | =C= | =D= | 26 | |
| 7. | =A= | =B= | =C= | =D= | 27 | |
| 8. | =A= | =B= | =C= | =D= | 28 | |
| 9. | =A= | =B= | =C= | =D= | 29 | <input type="text"/> |
| 10. | =A= | =B= | =C= | =D= | 30 | <input type="text"/> |
| 11. | =A= | =B= | =C= | =D= | 31 | <input type="text"/> |
| 12. | =A= | =B= | =C= | =D= | 32 | <input type="text"/> |
| 13. | =A= | =B= | =C= | =D= | 33 | <input type="text"/> |
| 14. | =A= | =B= | =C= | =D= | 34 | <input type="text"/> |
| 15. | =A= | =B= | =C= | =D= | 35 | <input type="text"/> |
| 16. | =A= | =B= | =C= | =D= | 36 | <input type="text"/> |
| 17. | =A= | =B= | =C= | =D= | 37 | P :..... |
| 18. | =A= | =B= | =C= | =D= | 38 | Q :..... |
| 19. | =A= | =B= | =C= | =D= | 39 | R :..... |
| 20. | =A= | =B= | =C= | =D= | 40 | S :..... |

Untuk kegunaan pemeriksa ;

K 1 + K 2 = X 100 =

140

